



**PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA**  
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Perunding kecantikan hilang RM25,000 ditipu Macau Scam Language: Malay  
Scam

Publication/Portal: Kosmo

Date: 1 December 2018

Section: Negara

Page: 6

## Perunding kecantikan hilang RM25,000 ditipu Macau Scam

**SEBERANG PERAI** - Seorang perunding kecantikan kerugian sebanyak RM25,000 selepas menyedari dirinya diperdaya sindiket Macau Scam di Kepala Batas di sini kelmarin.

Wanita berusia 26 tahun itu menjadi mangsa penipuan selepas dia menerima panggilan telefon daripada seorang lelaki yang menyamar sebagai anggota polis pada minggu lalu.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner

Noorzainy Mohd. Noor (**gambar**) berkata, mangsa mendakwa telah dihubungi oleh Sarjan Ang yang memaklumkan bahawa dia telah terlibat dalam kes pengubahan wang haram dan dadah.

“Wanita itu yang terkejut dengan panggilan berkenaan telah diingatkan oleh ‘Sarjan’ tersebut agar tidak memaklumkan perkara berkenaan kepada sesiapa termasuk ahli keluarganya sehingga menyebabkan dia terlalu takut.

“Tanpa berfikir panjang, dia

segera membuat pemindahan wang melalui perbankan internet daripada akaun simpanan miliknya ke akaun bank seperti yang diberikan lelaki berkenaan,” katanya.

Noorzainy menambah, mangsa telah melakukan sebanyak lima transaksi pemindahan wang ke dalam dua akaun bank berlainan dalam masa tujuh hari.

“Transaksi itu melibatkan nilai keseluruhannya yang berjumlah RM25,000.

“Dia turut dimaklumkan ba-

hawa wang tersebut adalah bagi digunakan untuk tujuan siasatan dan ia akan dipindahkan kepada pihak Juru Audit Negara,” katanya lagi.

Jelas Noorzainy, mangsa akhirnya menyedari dirinya sudah terperangkap dalam sindiket penipuan selepas dia berasa curiga sebelum membuat laporan polis.

Menurutnya, kes itu disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksan kerana menipu.

